

*Jenis Akhbar : Harian Metro
Tarikh : 16/01/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 68*

Kelana Jaya

Bawa isu anti minyak sawit kepada ICA

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) bakal mengemukakan isu Kempen Anti Minyak Sawit yang dijalankan Kesatuan Eropah (EU) melalui Mesyuarat Lembaga Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) di Brussel, Belgium pada 16 hingga 19 Januari ini.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, langkah itu berikutan tindakan EU yang berhasrat memulaukan minyak sawit sehingga menjelaskan industri minyak sawit di Malaysia termasuk koperasi ahli ANGKASA.

Menurutnya, kebanyakan koperasi di Malaysia adalah ahli ANGKASA yang terbabit dalam industri minyak sawit seperti koperasi di tanah rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan koperasi pekebun kecil.